

Malaysia mahu senjata nuklear dihapus

30 SEP 1991

SUBANG, Ahad — Malaysia mahu semua negara yang **memiliki senjata nuklear memusnahkannya sama sekali** untuk menjamin keselamatan dan keajahteraan hidup di dunia ini, kata **Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Yehubungan itu, beliau berkata, Malaysia hangga dan mengalu-alukan **pengumuman** Preatden Amerka Syarikat, George Bush, **mengurangkan senjata nuklear negara itu secara besar-besaran, termasuk peluru berpandu yang ditempatkan di negara asing.**

“Sepatutnya semua senjata nuklear yang **dimiliki** semua pihak harus dimusnahkan **supaya kita tidak lagi hidup dalam ketakutan jika senjata ini terus digunakan.**” katanya **kepada pemberita sekembalinya dari kew York di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, pagi ini.**

Dalam ucapannya di Perhimpunan Agung **ke-46 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)** di New York Rabu lalu, **Perdana Menteri mendandakan PBB patut diberi kuasa** lebih luas mendaftar dan mengeluarkan permit jualan senjata kepada negara anggota

Beliau berkata **pendaftaran senjata** adalah langkah **pertama memberi kuasa menyeluruh** kepada PBB berhubung soal perlucutan senjata

Ditanya **sama ada** ucapannya itu **memberi kesan** kepada langkah terbaru Amerika Syarikat **mengurangkan senjata nuklearnya.** Datuk Seri Dr Mahathir berkata: **“Saya tidak tahu, pula sama ada ini adalah hasil ucapan saya atau tidak. Tetapi saya bangga dan kita mengalu-alukan keputusan ini.”**

Perdana Menteri pulang ke tanahair selepas berucap di PBB serta mengadakan **pertemuan dengan beberapa pemimpin antarabangsa di New York.** Sebelum itu, beliau **bersama rombongan perdagangan Malaysia** melawat Mexico selama lima hari.

Mengenai kejayaan lawatannya ke Mexico, Perdana Menteri berkata, ia **sangat berhasil** kerana Malaysia **dapat menjalin hubungan baik** dengan pemimpin kerajaan negara itu, terutama Presiden Carloa **Salinas** de Gortari.

Mexico berminat proses kelapa sawit

DARI MUKA 1

yang berminat meningkatkan hubungan dengan Malaysia.

Katanya, Presiden Salinas juga membayangkan hasratnya membuat lawatan rasmi ke Malaysia tahun depan.

"Mexico benar-benar berminat dengan penyertaan pihak swasta kita dalam pembangunan ekonomi negara itu. Sekarang, Mexico menunjukkan prestasi amat baik, iaitu dahulu mereka tidak ada pertumbuhan ekonomi, sekarang pertumbuhan ialah lebih empat

peratus.

"Inflasi mereka sudah berkurangan dan mereka sedang mengadakan pelbagai rancangan menggalakkan pelaburan, terutama industri pembuatan yang bertujuan mengeksport barangan ke Amerika Syarikat," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia boleh mengkaji dasar baru Mexico untuk mencari peluang supaya dapat menggunakan kemudahan menembusi pasaran Amerika melalui Mexico.

"Satu perjanjian turut dilu-

luskan oleh Kerajaan Mexico, iaitu memproses kelapa sawit di sana. Satu kilang sudah diambil alih untuk tujuan ini dan mereka juga berminat mengimport lebih banyak kelapa sawit dan barangan lain," katanya.

Mengenai cadangan mengadakan hubungan udara di antara Malaysia dan Mexico, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia mungkin menimbulkan masalah kerana Malaysia bukan saja perlu mendapat persetujuan Mexico tetapi juga negara lain.

"Mungkin ini akan menjadi halangan kepada kita. Tetapi saya harap kita akan berusaha ke arah ini kerana Mexico berminat mengadakan penerbangan dari Malaysia ke negara itu," katanya.

Di New York, Perdana Menteri berkata, beliau mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Korea Selatan, Roh Tae Woo; Presiden Venezuela, Carlos Andres Perez dan pemimpin kerajaan buangan Kemboja, Putera Norodom Sihanouk.